



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN KADEAH  
PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**EDISI 2011**



# KATA ALUAN

Timbalan Ketua Pengarah (Akademik)  
Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pengajian Tinggi

Assalamualaikum WBK. Salam Sejahtera

Transformasi sektor awam yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada awal 2010 telah membawa satu persekitaran yang baru dalam bidang pentadbiran sektor awam. Tujuan transformasi negara ialah untuk mencapai misi nasional ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya memacu kecemerlangan bagi mencapai status *great nation pada tahun 2050*. Maka untuk itu, semua penjawat awam harus memahami sekaligus menghayati pelan transformasi agar segala agenda Negara yang dirancang berupaya dicapai.

Berdasarkan pelan transformasi Negara, sebanyak 66% tenaga kerja TVET diperlukan bagi memenuhi kehendak NKEA. Graduan yang dihasilkan haruslah berkualiti serta ‘work ready’ bagi memenuhi sasaran tersebut. Maka untuk itu, semua warga JPP harus bersama-sama memainkan peranan agar hasrat untuk menghasilkan graduan yang cemerlang dapat tercapai, khususnya dalam perlaksanaan kurikulum baharu AT401 *Industrial Training*.

Selaras dengan itu, penerbitan garis panduan ini dilihat sebagai satu asas dalam aspek pengurusan dan penilaian kursus Latihan Industri supaya proses perlaksanaan Latihan Industri lebih tersusun agar mampu untuk mencapai hasil pembelajaran (*Learning Outcomes*) yang telah digariskan. Walaubagaimanapun, politeknik harus kreatif dalam pengurusan kursus ini agar dapat menghasilkan *outcome* yang lebih dinamik dan berketrampilan.

Pemberatan penilaian 60% oleh industri manakala bakinya 40% oleh pensyarah politeknik dijangka mampu menjadikan pelajar lebih bersemangat dan berdaya saing tinggi sepanjang menjalani Latihan Industri. Penilaian harus dibuat seiring dengan hasrat industri yang mahukan bakal pekerja mereka kompeten dan dinamik. Maka untuk itu, peranan setiap pensyarah jabatan akademik dan pegawai di Unit Perhubungan dan Latihan Industri harus digembeling agar graduan yang dihasilkan oleh politeknik mampu untuk bersaing dengan graduan dari intitusi pengajian tinggi yang lain.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada jawatankuasa yang membangunkan garis panduan ini. Semoga dengan penerbitan garis panduan ini mampu untuk memberikan impak yang besar kepada graduan politeknik demi memacu kemajuan negara.

**MENERAJU KEGEMILANGAN ILMU**

**HJ MOHD GHAUS BIN AB. KADIR**



## BAHAGIAN 1: PENGENALAN

### 1.1 NAMA DAN TARikh BERKUATKUASA

Garis panduan ini dinamakan '**Garis Panduan Pengurusan dan Kaedah Penilaian Latihan Industri, Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi**' berkuatkuasa sesi Disember 2011. Dengan itu, garis panduan yang sama edisi 2009 adalah terbatal.

### 1.2 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan keseragaman pengurusan dan kaedah penilaian Latihan Industri Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

### 1.3 HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Politeknik bertanggungjawab memberi panduan mengenai prosedur permohonan tempat latihan industri, etika dan peraturan semasa menjalani Latihan Industri (LI) serta kaedah penilaian LI kepada mana-mana pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan LI di politeknik KPT tertakluk kepada bidang kuasa masing-masing dan peraturan-peraturan yang diluluskan oleh Jabatan Pengajian Politeknik (JPP).

### 1.4 TAFSIRAN

- 1.4.1 Latihan Industri adalah satu kursus yang dilaksanakan melalui pendekatan *experiential learning* dengan menempatkan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan pensijilan.
- 1.4.2 Pegawai Perhubungan & Latihan Industri (PPLI) bermaksud pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah JPP untuk mengurus dan mengawal selia UPLI Politeknik KPT.
- 1.4.3 Ketua Unit Perhubungan & Latihan Industri (KUPLI) bermaksud pegawai yang dilantik oleh Pengarah Politeknik untuk mengurus dan mengawal selia UPLI Politeknik berkenaan.



- 1.4.4 Ketua Jabatan (KJ) bermaksud Ketua Jabatan Akademik yang dilantik oleh Ketua Pengarah JPP.
- 1.4.5 Penyelaras Latihan Industri Jabatan (PLIJ) bermaksud pegawai yang dilantik oleh Ketua Jabatan Akademik bagi menyelaras semua aktiviti LI di jabatan berkenaan.
- 1.4.6 Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau bermaksud pensyarah yang dilantik oleh Pengarah untuk memantau pelajar yang sedang menjalani LI.
- 1.4.7 Pensyarah Penilai bermaksud pensyarah yang dilantik oleh Pengarah/Timbalan Pengarah (Akademik) (TP(A))/KJ untuk menilai Laporan Akhir Latihan Industri dan sesi pembentangan.
- 1.4.8 Penyelia Industri bermaksud pegawai yang dilantik oleh organisasi latihan bagi memberi bimbingan kepada pelajar sepanjang pelajar menjalani LI, dan juga terlibat dengan penilaian terhadap pelajar.
- 1.4.9 Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) adalah jabatan yang mengurus kemasukan dan pendaftaran pelajar.
- 1.4.10 Taklimat Pengenalan LI bermaksud taklimat yang diberi kepada pelajar berkaitan prosedur memohon tempat LI.
- 1.4.11 Taklimat Persediaan LI bermaksud taklimat yang diberikan kepada pelajar berkaitan etika dan peraturan semasa menjalani LI.



## 1.5 HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir LI, pelajar akan dapat:

- 1.5.1 Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja.
- 1.5.2 Berkommunikasi secara berkesan dengan pelbagai peringkat.
- 1.5.3 Mengamalkan kerja berpasukan.
- 1.5.4 Profesional dan beretika dalam mematuhi dasar-dasar, prosedur dan kaedah-kaedah di dalam organisasi.
- 1.5.5 Menerangkan tugas-tugas yang diberikan (semasa LI) mengikut format yang ditetapkan.



## BAHAGIAN 2: PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI

### 2.1 JAWATANKUASA LATIHAN INDUSTRI POLITEKNIK KPT

Jawatankuasa Perhubungan & Latihan Industri Politeknik KPT diwujudkan bagi mengurus dan mengendali hal-hal berkaitan dengan LI politeknik.

2.1.1 Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT dianggotai oleh:

- 2.1.1.1 Pengarah Bahagian Kecemerlangan Instruksional, Jabatan Pengajian Politeknik (sebagai Pengerusi)
- 2.1.1.2 Ketua Penolong Pengarah/Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kecemerlangan Instruksional, Jabatan Pengajian Politeknik (sebagai Setiausaha)
- 2.1.1.3 Ketua Unit Perhubungan & Latihan Industri Politeknik KPT (sebagai Ahli Jawatankuasa)

2.1.2 Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bertanggungjawab:

- 2.1.2.1 Melaksanakan apa-apa dasar yang perlu berhubung dengan segala aktiviti LI
- 2.1.2.2 Menyelaras dan mengawal selia perjalanan perlaksanaan LI di Politeknik KPT
- 2.1.2.3 Memastikan perlaksanaan LI di Politeknik KPT adalah menepati apa-apa peraturan yang terpakai dan sedang berkuatkuasa
- 2.1.2.4 Menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Latihan Industri (sekiranya perlu) bagi melaksanakan sebarang tugas-tugas khas.

### 2.2 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA LATIHAN INDUSTRI POLITEKNIK KPT

2.2.1 Pengerusi Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bertanggungjawab:

- 2.2.1.1 Mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT
- 2.2.1.2 Memanggil ahli-ahli jawatankuasa untuk bermesyuarat
- 2.2.1.3 Memantau secara keseluruhan mengenai perjalanan LI Politeknik KPT
- 2.2.1.4 Melantik mana-mana pegawai daripada ahli jawatankuasa menjalankan tugas pengerusi semasa ketiadaannya.



- 2.2.2 Setiausaha Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bertanggungjawab:
- 2.2.2.1 Memaklumkan ahli-ahli jawatankuasa untuk bermesyuarat atas arahan pengerusi
  - 2.2.2.2 Memastikan semua dokumen yang berkaitan disediakan sebelum Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bermesyuarat
  - 2.2.2.3 Mencatat minit mesyuarat dan mengambil tindakan susulan selepas Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bermesyuarat.
- 2.2.3 Ahli Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bertanggungjawab:
- 2.2.3.1 Menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT
  - 2.2.3.2 Melapor kepada jawatankuasa perjalanan LI di politeknik masing-masing
  - 2.2.3.3 Mencadangkan sebarang tindakan penambahbaikan yang berterusan kepada jawatankuasa bagi memantapkan lagi LI
  - 2.2.3.4 Mengambil tindakan susulan selepas Jawatankuasa Latihan Industri Politeknik KPT bermesyuarat.

### **2.3 UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI POLITEKNIK**

- 2.3.1 Unit Perhubungan & Latihan Industri Politeknik

UPLI merupakan satu unit di politeknik yang bertanggungjawab untuk melaksanakan segala urusan dan aktiviti berkaitan LI. Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Unit dan dibantu oleh pegawai-pegawai serta penyelaras-penyelaras LI jabatan.

### **2.4 KETUA UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI**

KUPLI bertanggungjawab terhadap:

- 2.4.1 Perlaksanaan Kurikulum Kursus LI Politeknik KPT

- 2.4.1.1 Perlaksanaan kurikulum.

- 2.4.1.2 Kajian semula dan penambahbaikan kurikulum.



**2.4.2 Perlaksanaan LI**

- 2.4.2.1 Taklimat memohon tempat, peraturan/prosedur latihan, keperluan industri, perjalanan latihan dan bimbingan penyediaan laporan teknikal dalam latihan industri.
- 2.4.2.2 Penempatan dan lapor diri ke industri.
- 2.4.2.3 Pemantauan dan bimbingan semasa latihan.
- 2.4.2.4 Menerima maklumbalas daripada pelajar atau industri dan mengambil tindakan yang berkaitan.
- 2.4.2.5 Lawatan penyeliaan .
- 2.4.2.6 Penilaian LI.
- 2.4.2.7 Pendaftaran tamat LI.

**2.4.3 Penyelarasan Penilaian LI**

- 2.4.3.1 Penilaian prestasi daripada organisasi latihan.
- 2.4.3.2 Penilaian Jurnal Refleksi.
- 2.4.3.3 Penilaian Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau.
- 2.4.3.4 Penilaian Laporan Akhir Latihan Industri.
- 2.4.3.5 Pembentangan.

**2.4.4 Pengurusan umum;**

- 2.4.4.1 Mengetuai dan memantau pengkalan data LI.
- 2.4.4.2 Menyediakan cadangan bajet perolehan unit dan bajet lawatan penyeliaan LI.
- 2.4.4.3 Menyediakan statistik status penempatan pelajar yang akan menjalani LI dari masa ke semasa.
- 2.4.4.4 Membuat kajian dan penyelidikan berkaitan pengurusan LI berdasarkan keperluan.
- 2.4.4.5 Merancang dan mengurus taklimat LI.
- 2.4.4.6 Merancang dan menyelaraskan aktiviti penyeliaan pelajar LI.
- 2.4.4.7 Menyedia dan membentang Laporan Latihan Industri dalam mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan melaksanakan *Continuous Quality Improvement (CQI)*.



2.4.4.8 Membentangkan keputusan Penilaian Kursus Latihan Industri dalam mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan & Penilaian Politeknik.

2.4.4.9 Mendapatkan senarai pelajar yang tidak layak menjalani LI daripada Pegawai Peperiksaan yang disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan dan Penilaian Politeknik.

2.4.5 Taklimat kepada Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau:

2.4.5.1 Menyampaikan taklimat kepada pensyarah mentor sebelum proses pemantauan dibuat bagi menerangkan tanggungjawab dari aspek:

- Pemantauan dan melihat perkembangan pelajar
- Penilaian terhadap prestasi pelajar dan pemarkahannya.
- Kebajikan pelajar
- Kolaborasi bersama industry
- Lain-lain isu

2.4.6 Taklimat oleh pihak industri

2.4.6.1 Menerangkan tentang prosedur perjawatan sebagai pelatih latihan industri di industri berkaitan.

2.4.6.2 Sesi induksi oleh pensyarah industri di politeknik sebelum pelajar menjalani LI di industri adalah sebagai persiapan untuk mendapatkan pengalaman LI dan membincangkan penilaian oleh industri dikendalikan.

2.4.6.3 Mempertemukan pihak industri dengan para pelajar bagi menerangkan harapan (*expectation*) industri terhadap pelajar LI

2.4.6.4 Menerangkan berkaitan keperluan “*Human Resource*”

2.4.6.5 memupuk minat pelajar terhadap bidang yang diceburi semasa LI dengan menjelaskan prospek kerjaya.

2.4.6.6 Berinteraksi serta bertukar pandangan dengan institusi dan pelajar bagi mewujudkan jalinan kerjasama yang erat.

2.4.6.7 Menasihatkan pelajar untuk mendapatkan tempat LI yang bersesuaian

2.4.6.8 Mendapatkan gambaran sebenar suasana dan kondisi kerja dalam bidang tertentu



## 2.5 PEGAWAI PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI (LATIHAN)

PPLI bertanggungjawab:

- 2.5.1 Mendaftar pelajar yang akan menjalani LI.
- 2.5.2 Mengadakan Taklimat Latihan Industri kepada pelajar yang akan menjalani LI.
- 2.5.3 Memantau dan mengurus permohonan tempat LI.
- 2.5.4 Mengurus pengkalan data LI pelajar.
- 2.5.5 Memantau dan mengurus pendaftaran tamat LI.
- 2.5.6 Mengurus penilaian LI pelajar.
- 2.5.7 Menyedia laporan untuk Kajian Semula Pengurusan dengan menggunakan rekod analisis pencapaian objektif LI.

## 2.6 PEGAWAI PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI (PERHUBUNGAN)

PPLI bertanggungjawab:

- 2.6.1 Merancang dan melaksana lawatan perhubungan dan kolaborasi dengan industri.
- 2.6.2 Mendapat input melalui kolaborasi industri.
- 2.6.3 Merancang aktiviti penyeliaan LI.
- 2.6.4 Menyelaras aktiviti penyeliaan pelajar yang sedang menjalani LI.
- 2.6.5 Mengurus dan memantau pelaksanaan lawatan penyeliaan LI.
- 2.6.6 Memberi bimbingan dan memantau disiplin pelajar semasa latihan.
- 2.6.7 Menyiasat dan mengambil tindakan penambahbaikan/tindakan ke atas pelajar yang bermasalah.
- 2.6.8 Mengurus rekod laporan lawatan penyeliaan daripada pensyarah penyelia.

## 2.7 PENYELARAS LATIHAN INDUSTRI JABATAN

PLIJ bertanggungjawab

- 2.7.1 Melaksanakan aktiviti Latihan Industri mengikut perancangan takwim.
- 2.7.2 Mengemaskini data dalam pengkalan data LI.
- 2.7.3 Menyedia dan mengemaskini maklumat pelajar.
- 2.7.4 Menyedia dokumen pelajar yang akan menjalani LI.
- 2.7.5 Mengurus pendaftaran Kursus Latihan Industri.
- 2.7.6 Membantu mengurus taklimat LI.



- 2.7.7 Mengurus penyeliaan pelajar LI.
- 2.7.8 Melaporkan masalah dan aduan pelajar kepada KUPLI.
- 2.7.9 Merancang dan mengurus perkara-perkara berkaitan aktiviti lawatan penyeliaan.
- 2.7.10 Menerima dan mengesahkan penerimaan dokumen penilaian LI dari pelajar selepas tamat LI.
- 2.7.11 Memasukkan markah penilaian LI ke dalam pengkalan data dan mencetak markah penilaian.
- 2.7.12 Menyerahkan senarai pelajar yang belum mendaftar tamat LI kepada KUPLI
- 2.7.13 Memproses penilaian kursus LI.

## **2.8 PEMBANTU TADBIR**

Pembantu Tadbir bertanggungjawab:

- 2.8.1 Menyediakan surat/memo berkaitan pengurusan LI.
- 2.8.2 Menerima surat/memo yang dihantar ke UPLI.
- 2.8.3 Mengemaskini fail-fail pentadbiran LI.
- 2.8.4 Menyelia fail-fail pelajar
- 2.8.5 Menerima surat-surat pelajar/firma berkaitan LI.
- 2.8.6 Fotostat dokumen-dokumen LI.
- 2.8.7 Mengurus surat-surat berkaitan LI.
- 2.8.8 Menerima aduan-aduan dari pelajar/organisasi latihan.
- 2.8.9 Memaklumkan maklumat-maklumat kepada PLIJ.
- 2.8.10 Mengurus pembelian dan ambilan dari stor.
- 2.8.11 Mengurus keceriaan UPLI.
- 2.8.12 Membantu PPLI dan PLIJ dalam melicinkan pengurusan LI.
- 2.8.13 Menjalankan tugas yang diarah dari masa ke semasa.



## 2.9 PENSYARAH MENTOR/PENSYARAH PEMANTAU

Semasa pelajar menjalani LI Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau bertanggungjawab

- 2.9.1 Membekalkan input akademik yang berkaitan dengan penilaian dan bersedia menjadi perantara sekiranya timbul sebarang masalah di pihak pelajar.
- 2.9.2 Melaksanakan pemantauan terhadap pelajar di industri bagi melihat perkembangan pelajar kearah pencapaian hasil pembelajaran.
- 2.9.3 Memastikan pensyarah mentor akur dengan peraturan dan keperluan undang-undang industri sebelum pemantauan dilaksanakan.
- 2.9.4 Menilai prestasi dan kesungguhan pelajar menjalani LI
- 2.9.5 Memastikan pelajar diberikan tugas yang sesuai oleh industri
- 2.9.6 Memastikan/menasihati penyelia industri melaksanakan penilaian terhadap pelajar.
- 2.9.7 Membincangkan permasalahan bersama pelajar dan penyelia industri (jika ada) dan mencadangkan pendekatan-pendekatan tertentu bagi mengatasinya.
- 2.9.8 Meningkatkan hubungan baik dan perkongsian pintar antara politeknik dan organisasi
- 2.9.9 Menangani permasalahan pelajar semasa LI, seperti kesihatan, disiplin dan sebagainya.
- 2.9.10 Peka dengan keperluan akademik pelajar.
- 2.9.11 Jaringan Komunikasi: Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau akan menyediakan jaringan komunikasi antara pelajar dan penyelia industri seperti berikut:
  - 2.9.11.1 Sesi taklimat untuk persiapan pelajar bagi membantu pelajar mendapatkan peluang pembelajaran.
  - 2.9.11.2 Berkommunikasi antara penyelia industri dan pelajar semasa tempoh LI.
  - 2.9.11.3 Membimbang pelajar menyediakan tugas untuk dinilai (Laporan Akhir Latihan Industri, Jurnal Refleksi dan slaid pembentangan bagi proses penilaian pembentangan)



## 2.10 PENSYARAH PENILAI

Selepas pelajar menjalani LI Pensyarah Penilai bertanggungjawab

- 2.10.1 Membuat penilaian terhadap pembentangan dan Laporan Akhir Latihan Industri pelajar dengan menggunakan format penilaian yang telah ditetapkan

## 2.11 PENYELARASAN LATIHAN INDUSTRI POLITEKNIK

- 2.11.1 Penetapan Tarikh & Tempoh Latihan Industri

JPP KPT adalah bertanggungjawab untuk menetapkan tarikh dan tempoh perlaksanaan LI Politeknik KPT. Tempoh LI bagi satu-satu sesi adalah dalam jangkamasa yang ditetapkan berdasarkan kurikulum kursus LI.

- 2.11.2 Takwim Latihan Industri

2.11.2.1 Takwim aktiviti tahunan LI adalah jadual aktiviti pelaksanaan LI yang dirancang mengikut tarikh dan tempoh yang ditetapkan pada tahun berkenaan berpandukan takwim akademik tahunan politeknik berkenaan.

2.11.2.2 Penyediaan takwim aktiviti tahunan. UPLI menyediakan takwim aktiviti LI di peringkat politeknik serta mendapat kelulusan Pengarah politeknik berkenaan.



### BAHAGIAN 3: PERSEDIAAN KURSUS LATIHAN INDUSTRI

Persediaan kursus LI adalah proses yang dijalankan pada semester sebelum LI bermula. Proses ini bermula daripada pelajar mendaftar kursus LI sehingga pelajar mendaftar diri di organisasi latihan. UPLI bertanggungjawab melaksanakan semua proses berkaitan persediaan kursus LI seperti berikut:

#### 3.1 PENYEDIAAN DATA PELAJAR

- 3.1.1 Mendapatkan data pelajar yang akan menjalani LI.
- 3.1.2 Mengemaskini pengkalan data LI.
- 3.1.3 Mencetak senarai nama dan memasukkan ke dalam fail pelajar.

#### 3.2 PENYEDIAAN FAIL PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI

Fail pengurusan LI adalah fail yang mempunyai nama, nombor rujukan dan senarai semak isi kandungan. Fail disediakan mengikut keperluan rekod kualiti dan pengurusan LI.

#### 3.3 PENYEDIAAN DOKUMEN LATIHAN INDUSTRI

Dokumen LI adalah merupakan segala borang dan surat yang berkaitan dengan LI.

Antara dokumen yang perlu disediakan ialah

- 3.3.1 Borang Pendaftaran Kursus LI
- 3.3.2 Borang Biodata Pelajar
- 3.3.3 Surat Akuan Lepas Tanggung
- 3.3.4 Surat Permohonan Penempatan LI
- 3.3.5 Borang Jawapan Organisasi Latihan
- 3.3.6 Surat Penempatan LI Kepada Organisasi
- 3.3.7 Surat Lapor Diri Kepada Pelajar

#### 3.4 MENGURUSKAN PENDAFTARAN KURSUS LATIHAN INDUSTRI

Pelajar yang akan menjalani LI diwajibkan mendaftar kursus LI dengan menggunakan Borang Pendaftaran Kursus yang disediakan.



### **3.5 PERSEDIAAN TAKLIMAT PENGENALAN LI**

Proses persediaan taklimat adalah seperti berikut:

- 3.5.1 Memaklumkan kepada pelajar tentang taklimat
- 3.5.2 Penyediaan tempat taklimat
- 3.5.3 Menyediakan senarai kehadiran pelajar mengikut kelas/program

### **3.6 PELAKSANAAN TAKLIMAT PENGENALAN LI**

3.6.1 Mencatatkan kehadiran pelajar.

3.6.2 Mengedarkan dokumen-dokumen berikut:

- 3.6.2.1 Resume (2 salinan)/Biodata
  - 3.6.2.2 Garis Panduan Latihan Industri (Pelajar) – dokumen diperolehi secara online
  - 3.6.2.3 Surat Akuan Lepas Tanggung
  - 3.6.2.4 Surat Permohonan Latihan Industri
  - 3.6.2.5 Borang Jawapan (2 salinan)
- 
- 3.6.3 Memberikan taklimat kepada pelajar tentang:
    - 3.6.3.1 Tatacara memohon tempat latihan.
    - 3.6.3.2 Peraturan berkaitan permohonan tempat LI.

### **3.7 SENARAI ORGANISASI LATIHAN UNTUK RUJUKAN PELAJAR**

UPLI bertanggungjawab menyediakan senarai organisasi latihan yang boleh dipohon oleh pelajar.

### **3.8 MENGURUS PERMOHONAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI**

3.8.1 Memohon Tempat Latihan Industri melalui UPLI:

- 3.8.1.1 UPLI memproses permohonan tempat LI berdasarkan maklumat yang diberi oleh pelajar.

3.8.1.2 Menghantar surat permohonan LI kepada organisasi berkenaan berserta dengan surat jawapan, biodata/resume pelajar

3.8.1.3 UPLI menerima surat jawapan daripada organisasi latihan.

3.8.1.4 Sekiranya organisasi bersetuju menerima permohonan:



- memaklumkan kepada pelajar
- mengemaskini pengkalan data

3.8.1.5 Sekiranya organisasi latihan menolak permohonan:

- memaklumkan kepada pelajar
- mengulang proses 3.8.1.1 hingga 3.8.1.4 atau pelajar memohon sendiri tempat LI.

3.8.1.6 Menyimpan surat jawapan ke dalam fail pelajar berkenaan.

3.8.2 Pelajar memohon sendiri tempat LI:

3.8.2.1 Pelajar melengkapkan dokumen permohonan tempat LI yang dikeluarkan oleh UPLI:

- Surat permohonan tempat LI.
- Borang jawapan
- Borang Biodata/Borang Resume

3.8.2.2 Pelajar memohon tempat LI dengan menggunakan dokumen tersebut yang diagihkan kepada mereka.

3.8.2.3 UPLI menerima jawapan daripada organisasi latihan.

3.8.2.4 Sekiranya organisasi latihan bersetuju menerima permohonan:

- memaklumkan kepada pelajar
- mengemaskini pengkalan data

3.8.2.5 Sekiranya organisasi latihan menolak permohonan

- memaklumkan kepada pelajar
- proses 3.8.1.1 hingga 3.8.1.4 diulangi

3.8.2.6 Menyimpan borang jawapan ke dalam fail pelajar

### **3.9 PERSEDIAAN TAKLIMAT PERSEDIAAN LI**

Proses persediaan taklimat adalah seperti berikut:

- 3.9.1 Memaklumkan kepada pelajar tentang taklimat
- 3.9.3 Penyediaan tempat taklimat
- 3.9.4 Menyediakan senarai kehadiran pelajar



### **3.10 PELAKSANAAN TAKLIMAT**

- 3.10.1 Mencatat kehadiran pelajar
- 3.10.2 Memberi taklimat berkaitan
  - 3.10.2.1 Etika dan peraturan-peraturan semasa LI.
  - 3.10.2.2 Panduan menulis Jurnal Refleksi
  - 3.10.2.3 Panduan menulis Laporan Akhir Latihan Industri.
  - 3.10.2.4 Kaedah penilaian LI.

### **3.11 PROSES PENEMPATAN PELAJAR**

- 3.11.1 Menyediakan surat pengenalan lapor diri kepada pelajar.
- 3.11.2 Menyedia dan menghantar surat penempatan LI kepada organisasi latihan.
- 3.11.3 Menerima senarai pelajar yang tidak memenuhi syarat untuk menjalani LI dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik daripada Pegawai Peperiksaan.
- 3.11.4 Menghantar surat pembatalan penempatan kepada organisasi latihan yang telah bersetuju menerima pelajar seperti di para 3.11.3.
- 3.11.5 Mengeluarkan nama pelajar yang tidak memenuhi syarat untuk menjalani LI daripada pengkalan data LI.

### **3.12 ORGANISASI LATIHAN MEMBATALKAN PENEMPATAN PELAJAR**

- 3.12.1 Menerima surat/maklumat pembatalan daripada organisasi latihan
- 3.12.2 UPLI memaklumkan kepada pelajar
- 3.12.3 Proses permohonan tempat LI di para **3.8** diulangi
- 3.12.4 Mengemaskini pengkalan data.

### **3.13 PELAJAR YANG TERLIBAT KEMALANGAN SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

- 3.13.1 UPLI menerima maklumat kemalangan.
- 3.13.2 Mendapatkan pengesahan dari organisasi LI.
- 3.13.3 Menghubungi pelajar/waris untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kemalangan.
- 3.13.4 Mendapatkan salinan surat cuti sakit yang telah disahkan dari pelajar/waris.
- 3.13.5 Analisis surat pengesahan cuti:



3.13.5.1 Jika cuti yang dibenarkan kurang daripada 20% dari jumlah hari latihan, UPLI akan proses penempatan pelajar seperti di Para 3.11

3.13.5.2 Jika cuti yang dibenarkan melebihi 20% dari jumlah hari latihan, pelajar perlu mengulang LI.



## BAHAGIAN 4 : PENGURUSAN SEMASA PELAJAR MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

### 4.1 PENGESAHAN PELAJAR MELAPOR DIRI DI ORGANISASI

- 4.1.1 Menerima dan menyimpan Kad Pengesahan Lapor Diri dan Kad Maklumat Pelajar.
- 4.1.2 Mengenalpasti pelajar yang belum menghantar Kad Pengesahan Lapor Diri selepas 2 minggu daripada tarikh melapor diri di organisasi.
- 4.1.3 Menghubungi pelajar dan organisasi latihan yang belum menghantar Kad Pengesahan Lapor Diri.
- 4.1.4 Jika didapati pelajar telah melapor diri di organisasi, minta pelajar menghantar Kad Pengesahan Lapor Diri dengan kadar segera.
- 4.1.5 Jika pelajar tidak lapor diri di organisasi:-
  - 4.1.5.1 Menghantar surat tunjuk sebab kepada pelajar berkenaan.
  - 4.1.5.2 Sekiranya pelajar gagal mengemukakan surat tunjuk sebab, UPLI menghantar surat amaran.
  - 4.1.5.3 Sekiranya pelajar tidak memberi sebarang maklumbalas, UPLI menghantar surat tindakan.
  - 4.1.5.4 Peraturan Am Politeknik menetapkan sekiranya pelajar tidak melaporkan diri di organisasi dan tidak melapor diri tamat LI, pelajar boleh di gagalkan LI pada semester tersebut.
- 4.1.6 Mengemaskini pengkalan data LI

### 4.2 MENYELARAS LAWATAN PENYELIAAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

- 4.2.1 Menentukan bilangan organisasi dan pelajar yang sedang menjalani latihan
- 4.2.2 Menentukan bilangan zon lawatan:
  - 4.2.2.1 Bilangan zon ditentukan berdasarkan bilangan organisasi
  - 4.2.2.2 Pembahagian zon adalah berdasarkan kawasan atau negeri
- 4.2.3 Menyediakan anggaran perbelanjaan untuk lawatan penyeliaan berdasarkan:
  - 4.2.3.1 Bilangan zon
  - 4.2.3.2 Bilangan organisasi
  - 4.2.3.3 Bilangan pensyarah penyelia
  - 4.2.3.4 Kadar tuntutan perjalanan



4.2.4 Memohon kelulusan belanjawan lawatan penyeliaan daripada pengarah politeknik.

4.2.5 Hebahan untuk lawatan penyeliaan:

4.2.5.1 Memohon kepada KJ supaya mencalonkan pegawai dari jabatan masing-masing untuk urusan lawatan penyeliaan

4.2.5.2 Menerima senarai nama daripada KJ

4.2.6 PPLI menentukan pensyarah yang akan membuat lawatan penyeliaan berdasarkan senarai nama yang dicalonkan oleh KJ.

4.2.7 Menyedia dan mencetak borang penilaian pensyarah penyelia (*Observation Form*).

4.2.8 Menyedia dan mencetak senarai organisasi dan pelajar dari pengkalan data.

4.2.9 Menentukan bilangan organisasi yang akan dilawati dan maklumat pelajar yang akan diselia.

4.2.10 Menyediakan jadual lawatan untuk setiap zon.

4.2.10.1 Nama dan alamat firma yang perlu dilawati

4.2.10.2 Nama pelajar

4.2.10.3 Nombor telefon organisasi

4.2.10.4 Pensyarah penyelia yang bertanggungjawab

4.2.10.5 Bilangan hari lawatan

4.2.10.6 Tarikh dan masa lawatan

4.2.10.7 Bilangan firma yang perlu dilawati sehari

4.2.10.8 Pelan lokasi organisasi

4.2.11 Mengeluarkan surat lantikan lawatan penyeliaan kepada pensyarah berkaitan:

4.2.11.1 Ditandatangani oleh Pengarah; atau

4.2.11.2 KUPLI bagi pihak Pengarah



4.2.12 Mengagihkan jadual lawatan kepada Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau.

4.2.13 Menghantar surat makluman lawatan penyeliaan kepada organisasi yang mengandungi maklumat mengenai tarikh, masa dan pegawai yang akan membuat lawatan.

4.2.14 Menyediakan fail lawatan bagi setiap zon yang mengandungi.

4.2.14.1 Surat lantikan lawatan penyeliaan

4.2.14.2 Jadual lawatan penyeliaan

4.2.14.3 Borang penilaian Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau  
(*observation assessment*)

4.2.15 Semasa lawatan penyeliaan, Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

4.2.15.1 Berbincang dengan Penyelia Industri

4.2.15.2 Mendapatkan maklumbalas daripada Penyelia Industri berkaitan LI pelajar seperti:

- Disiplin semasa latihan
- Prestasi latihan
- Jadual latihan
- Hubungan pelajar dengan pegawai dan kakitangan di organisasi
- Kebolehan pelajar berkomunikasi semasa latihan
- Menyerahkan borang-borang penilaian dan pengesahan untuk diisi oleh penyelia latihan.

4.2.15.3 Berbincang dengan pelajar berkaitan:

- Disiplin semasa latihan
- Prestasi latihan
- Hubungan dengan kakitangan organisasi
- Kesesuaian tempat latihan industri
- Komunikasi semasa latihan



- 4.2.15.4 Menyemak dan menandatangani Jurnal Refleksi.
- 4.2.15.5 Membimbing pelajar cara-cara menulis Jurnal Refleksi dan Laporan Akhir Latihan Industri.
- 4.2.15.6 Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau hendaklah menyediakan laporan lawatan untuk diserahkan kepada UPLI.

**4.2.16 Laporan lawatan penyeliaan**

- 4.2.16.1 Menerima laporan lawatan penyeliaan daripada Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau.
- 4.2.16.2 Menyemak dan menganalisis laporan lawatan penyeliaan.
- 4.2.16.3 Jika terdapat laporan pelajar melanggar peraturan LI, UPLI akan:
  - menyiasat kes berkenaan
  - menghubungi organisasi atau pelajar untuk mendapatkan penjelasan
  - mengambil tindakan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa
  - Tindakan seperti para 4.6 diambil kepada pelajar gagal meneruskan latihan.

**4.3 PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI PELAJAR (BAGI KES YANG DIBENARKAN SAHAJA)**

- 4.3.1 Menerima surat permohonan pertukaran tempat latihan daripada pelajar
- 4.3.2 Meneliti dan menyiasat alasan permohonan pertukaran tempat LI.
- 4.3.3 Jika alasan yang diberikan munasabah, permohonan boleh diluluskan dengan;
  - 4.3.3.1 Mengarahkan pelajar mendapat surat pelepasan daripada organisasi lama.
  - 4.3.3.2 Mengarahkan pelajar memohon tempat latihan yang baru.
  - 4.3.3.3 Menerima surat kebenaran pertukaran daripada organisasi lama.
  - 4.3.3.4 Menerima surat penerimaan daripada organisasi baru.
  - 4.3.3.5 Menghantar Surat Lapor Diri kepada pelajar.
  - 4.3.3.6 Menghantar Surat Penempatan kepada organisasi baru.



4.3.3.7 Mengemaskini pengkalan data.

4.3.3.8 Menyimpan salinan surat dalam fail.

#### **4.4 MAKLUMBALAS DARIPADA ORGANISASI DAN PELAJAR SEMASA LATIHAN INDUSTRI**

##### **4.4.1 Maklumbalas Daripada Organisasi**

4.4.1.1 Menerima dan menyiasat aduan daripada organisasi.

4.4.1.2 Melakukan lawatan ke organisasi (jika perlu).

4.4.1.3 Menghubungi pelajar untuk mendapatkan maklumat berkaitan aduan yang diterima.

4.4.1.4 Jika aduan yang diterima adalah benar, ambil tindakan kepada pelajar mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4.4.1.5 Tindakan seperti **para 4.6** diambil kepada pelajar gagal meneruskan latihan.

4.4.1.6 Menyimpan semua dokumen aduan dan siasatan dalam fail berkaitan.

4.4.1.7 Semua maklumbalas perlu dianalisa dan tindakan CQI perlu dilaksanakan jika berkaitan.

##### **4.4.2 Maklumbalas Daripada Pelajar**

4.4.2.1 Menerima dan menyiasat aduan daripada pelajar.

4.4.2.2 Menghubungi organisasi untuk mendapatkan maklumat berkaitan aduan yang diterima.

4.4.2.3 Mengadakan lawatan ke organisasi (jika perlu).

4.4.2.4 Jika aduan adalah benar, ambil tindakan berikut:

- Menukar tempat LI pelajar ke organisasi lain.
- Memproses penempatan di organisasi baru.
- Menghantar Surat Pengenalan Lapor Diri kepada pelajar.
- Menghantar Surat Penempatan kepada organisasi baru
- Menyimpan semua dokumen aduan dan siasatan dalam fail berkaitan.
- Mengemaskini pengkalan data.



4.4.2.5 Memaklumkan kepada organisasi lama berkenaan pertukaran tempat LI pelajar tersebut.

#### 4.5 MAKLUMAN PENDAFTARAN PENGESAHAN TAMAT LATIHAN INDUSTRI

Memaklumkan pengesahan tamat latihan industri kepada pelajar berkenaan:

4.5.1 Tarikh, masa dan tempat pendaftaran pengesahan tamat latihan

4.5.2 Dokumen yang perlu dikemukakan semasa pendaftaran pengesahan tamat LI:

4.5.2.1 Laporan Akhir Latihan Industri yang lengkap

4.5.2.2 Jurnal Refleksi

4.5.2.3 Surat pengesahan tamat latihan

4.5.2.4 Borang penilaian oleh organisasi

- *Practical Task Form*
- *Reflective Journal Form*

#### 4.6 PERATURAN DAN TINDAKAN KETIDAKHADIRAN SEMASA LATIHAN INDUSTRI

4.6.1 Berikut merupakan tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas pelajar sekiranya tidak hadir menjalani LI:

Ketidakhadiran	Tindakan
Tidak hadir 3 hari bekerja berturut-turut tanpa sebab	Amaran
Tidak hadir 6 hari bekerja berturut-turut tanpa sebab	Gagal LI
Jumlah tidak hadir keseluruhan 7 hari bekerja tanpa sebab	Amaran
Jumlah tidak hadir keseluruhan melebihi 7 hari bekerja tanpa sebab	Gagal LI
Diberhentikan oleh organisasi dengan sebab	Gagal LI
Jumlah tidak hadir keseluruhan melebihi 20 % daripada tempoh latihan dengan sebab	Tidak memenuhi syarat lulus LI*

\*Nota: Pelajar yang tidak memenuhi syarat lulus LI boleh:-

- i. Memohon penangguhan latihan industri
- ii. Memohon untuk melanjutkan tempoh LI
- iii. Mengulang latihan industri



## BAHAGIAN 5 : PENGURUSAN PENDAFTARAN PENGESAHAN TAMAT LATIHAN INDUSTRI

UPLI bertanggungjawab melaksanakan tugas berikut selepas pelajar tamat menjalani LI.

### 5.1 PERSEDIAAN SEBELUM PROSES PENDAFTARAN PENGESAHAN TAMAT LI

UPLI perlu membuat persediaan berikut sebelum hari pendaftaran pengesahan tamat LI:

- 5.1.1 KUPLI memberi taklimat kepada PLIJ berkaitan proses dan prosedur pendaftaran tamat LI.
- 5.1.2 Menyediakan keperluan bagi tujuan proses pendaftaran pengesahan tamat .

### 5.2 PROSES PENDAFTARAN PENGESAHAN TAMAT LI

5.2.1 Menerima dan menyemak dokumen berikut daripada pelajar:

#### 5.2.1.1 Surat pengesahan tamat LI

- Nama dan nombor pendaftaran pelajar
- Tarikh mula dan tarikh tamat LI
- Tandatangan Penyelia Industri
- Cop rasmi majikan

#### 5.2.1.2 Borang *Practical Task*

- Nama pelajar
- Nombor pendaftaran pelajar
- Program pengajian pelajar
- Markah yang diberikan oleh organisasi
- Maklumbalas dari Penyelia Industri
- Tandatangan Penyelia Industri
- Cop rasmi majikan

#### 5.2.1.3 Jurnal Refleksi

- Jurnal Refleksi ditulis dengan lengkap
- Pengesahan Penyelia Industri.



#### 5.2.1.4 Laporan Akhir Latihan Industri

Laporan Akhir Latihan Industri di tulis mengikut format yang ditetapkan.

*Jika pelajar gagal mengemukakan mana-mana dokumen di atas atau dokumen yang dikemukakan tidak lengkap, pelajar **TIDAK LAYAK** untuk didaftarkan kecuali dengan kebenaran KUPLI.*

- 5.2.2 Mengesahkan Borang Pendaftaran Pengesahan Tamat Latihan Industri samada pelajar layak mendaftar atau tidak layak mendaftar di JHEPP.
- 5.2.3 Mengemaskini pengkalan data LI
- 5.2.4 Menyerahkan senarai nama pelajar yang telah membuat pengesahan tamat LI dan pelajar yang tidak mengesahkan tamat LI kepada Ketua Jabatan Akademik dan Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar untuk tindakan seterusnya.



## BAHAGIAN 6: PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

### 6.1 PERSEDIAAN PROSES PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

- 6.1.1 Menetapkan tempoh penilaian LI
- 6.1.2 Pensyarah Penilai menetapkan tarikh dan masa temujanji bagi pembentangan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh UPLI.

### 6.2 PROSES PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

- 6.2.1 Memproses markah penilaian ke dalam pengkalan data latihan industri.  
Markah-markah penilaian tersebut terdiri daripada:
  - 6.2.1.1 *Practical Task* - 40%
  - 6.2.1.2 Jurnal Refleksi - 20%

*Bagi item i dan ii di atas akan dinilai oleh Penyelia Industri pelajar dan dinilai mulai minggu ke-20 pelajar menjalani LI.*

- 6.2.1.3 Pemantauan oleh Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau - 10%

*Penilaian akan dibuat oleh Pensyarah Mentor/Pensyarah Pemantau semasa pemantauan dibuat. Borang penilaian harus mendapat pengesahan organisasi latihan bagi menandakan proses pemantauan secara rasmi telah dilaksanakan.*

- 6.2.1.4 Laporan Akhir Latihan Industri - 20%
- 6.2.1.5 Pembentangan - 10%

*Bagi item iv dan v di atas akan dinilai oleh Pensyarah Penilai sejurus selesai tamat LI. Jadual, format dan giliran pembentangan harus disediakan oleh UPLI/Jabatan.*

- 6.2.2 Markah dan penilaian LI hendaklah diproses dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan selepas pelajar tamat Latihan Industri (bagi pelajar LISA).



- 6.2.3 Menyerahkan markah penilaian LI kepada Unit Peperiksaan.
- 6.2.4 Menyimpan salinan markah penilaian LI ke dalam fail penilaian LI.

### **6.3 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI**

- 6.3.1 KUPLI membentangkan Penilaian Latihan Industri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan & Penilaian Politeknik KPT Politeknik.
- 6.3.2 Jawatankuasa Peperiksaan & Penilaian Politeknik KPT mengesahkan Keputusan Penilaian Latihan Industri.
- 6.3.3 Keputusan LISA diumumkan selepas penilaian disahkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan & Penilaian Politeknik KPT.
- 6.3.4 Penilaian LISA akan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan & Penilaian Politeknik KPT pada sesi semasa LI.
- 6.3.5 Mengeluarkan keputusan Penilaian LI melalui:
  - 6.3.5.1 Slip Keputusan Latihan Industri; atau
  - 6.3.5.2 Laman web politeknik

### **6.4 PENGGREDAN KEPUTUSAN LATIHAN INDUSTRI**

- 6.4.1 Keputusan Latihan Industri digredkan seperti berikut:

<b>Markah</b>	<b>Keputusan</b>	<b>Status</b>
80 - 100	Cemerlang	Lulus
65 - 79	Kepujian	
50 - 64	Lulus	
0 – 49	Gagal	Gagal



Garis Panduan Pengurusan dan Kaedah Penilaian Latihan Industri, Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia Edisi Disember 2011 ini telah dimurnikan semula oleh

Penasihat	MOHD GAUSS BIN AB. KADIR, HJ
Pengerusi	SITI JARIAH BINTI IBRAHIM (BKI)
Setiausaha	NOOR ROSMAWATI BINTI YUSUF (BKI)
Ahli	MOHD SATTAR BIN RASUL, <i>PhD</i> (BTS) KHAIRUL AZHA BIN AHMAD (BKI) FATIMAHWATI BINTI ABD HAMID (PUO) MOHD YUSOF BIN ZAKARIA, <i>HJ</i> (POLAS) MOHAMMAD AZIZY BIN AHMAD, <i>HJ</i> (POLIMAS) SAUPI BIN MOHAMED NOOR (PKB) MOHD AGUS ADIB BIN ESKANDAR (PKS) AHMAD ZAILANI BIN AHMAD (PPD) COSWARD JACK (PKK) ZALINA BINTI ISMAIL (PSA) FATIMAH BINTI HUSSEIN, <i>HJH</i> (PJB) ROSIDAH BINTI AHMAD (PSP) MOHD NORDIN BIN MOHD JANI (PMK) ZALIHAR BT EMBONG (PKT) MOHD HAFIZUDDIN IBRAHIM (PKT) ROSMIDA BINTI AB GHANI (PSMZA) NAZIRAH BINTI MOHAMAD ABDULLAH (PMM) ZORAIME BIN ALI (PMM) ABDUL AZIZ BIN AHMAD (PSAS) FEROZ SHAH BIN ZAINORDIN (PSAS) MUHAMAD FAIRUZZAIRI BIN ABDUL HAMID (PTSB) CHE NORAZMAN BIN CHE WAN, <i>HJ</i> (PTSB) SETI SUHADANI BINTI MOHAMMED (PSIS) NOR AIDAWATI BINTI NOR KHALIM (PTSS) AFFENDI BIN MOHAMMAD (PTSS) MUHAMMAD RAFIE BIN HAMZAH (PMS) HARMEN BIN MUDA (PMU) SYAIFUL ANAS BIN IBRAHIM (PBU) ZAKARIA BIN DERAMAN (PJK) NOR AZLINDA BINTI HAJI MD. ATAN, <i>HJH</i> (PNS) MOHD AZAM BIN MOHD DAUD (PBS) BAIZURA BINTI HASNI (PMJ) SALIHAH BINTI ZAKARIA (PHT) SAMSUL NIZAM BIN ABD RAHIM (PHT) AZWAN BIN ISMAIL (PMKL) NADIATUL HANIS BINTI JAILANI (PMKu) MOHD HAikal AKASHAH BIN MOHD NOR (PMJB)



## **BAHAGIAN KECEMERLANGAN INSTRUKSIONAL**

Jabatan Pengajian Politeknik

Kementerian Pengajian Tinggi

Galeria PJH

Aras 4,Jalan P4W

Persiaran Perdana Presint 4

62100 WP Putrajaya

📞 03 – 8891 9000

Fax 03 – 8891 9056

🌐 [www.politeknik.gov.my](http://www.politeknik.gov.my)

✉ [intern.poly@mohe.gov.my](mailto:intern.poly@mohe.gov.my)